

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[BUKIT GANTANG]**  
**TARIKH : 6.11.2017 (ISNIN)**

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kenaikan harga barang keperluan harian yang berpunca daripada bekalan barangan yang dimonopoli oleh pihak tertentu.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pihak KPDNKK melalui agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) boleh mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang melakukan penyalahgunaan kedudukan dominan tanpa justifikasi komersial yang munasabah di bawah Akta Persaingan 2010. Tindakan-tindakan yang diambil telah berjaya mengekang kenaikan harga barang keperluan harian yang berpunca daripada bekalan barangan yang dimonopoli oleh pihak tertentu.